HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful /Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai pelan Etiqa Critical Care Takaful. Anda juga diminta untuk membaca terma dan syarat amnya.	**Etiqa Critical Care Takaful**
	<Tarikh>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Etiqa Critical Care Takaful ialah satu pelan Takaful tempoh 1 tahun yang melindungi 39 penyakit kritikal. Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk senarai 39 penyakit kritikal yang dilindungi.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

a) Tabarru'

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana orang yang dilindungi bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada orang yang dilindungi, jika diperlukan.

b) Wakalah

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana orang yang dilindungi melantik kami untuk bertindak bagi pihak orang yang dilindungi untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil Takaful. Orang yang dilindungi juga bersetuju untuk membenarkan kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap orang yang dilindungi.

c) Dana Risiko Peserta (DRP)

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan daripada DRP diperuntukkan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara orang yang dilindungi yang sijil Takafulnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan/Manfaat	Huraian Manfaat
1	Manfaat Penyakit Kritikal	Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan salah 1 daripada 39 penyakit kritikal yang dilindungi (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari) dalam tempoh perlindungan dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh diagnosis, yang berikut akan dibayar secara sekaligus: 1) Jumlah yang dilindungi sebanyak RM <sum covered>; dan 2) Lebihan DRP (jika ada). Sijil Takaful ini akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat penyakit kritikal (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), dan tiada manfaat lain yang akan dibayar selepas itu. Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, jumlah yang berikut akan dibayar secara sekaligus: 1) 10% daripada jumlah yang dilindungi sebanyak RM <sum covered>; atau

		2) RM25,000; mana-mana yang lebih rendah. Nota: Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari akan dibayar sekali sahaja. Pembayaran ini akan mengurangkan jumlah yang dilindungi dari Etiqa Critical Care Takaful dan sijil Takaful ini akan terus berkuatkuasa.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan tahunan yang perlu anda bayar ialah RM <contribution> untuk perlindungan bertempoh 1 tahun.

Sumbangan yang ditunjukkan adalah berdasarkan umur hari jadi berikutnya bagi orang yang dilindungi pada tarikh permulaan sijil Takaful. Kadar sumbangan akan dikaji semula setiap tahun dan ia akan berbeza berdasarkan umur hari jadi berikutnya bagi orang yang dilindungi pada tarikh permulaan sijil Takaful.

Semua sumbangan (jika berkenaan) adalah tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Fi Wakalah akan dibayar kepada Kami bagi tujuan menanggung perbelanjaan pengendalian dan pengurusan pelan ini.

Fi Wakalah adalah penolakan 20% dari jumlah sumbangan tahunan. Tiada komisen dikenakan dalam pelan ini.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

a) Kepentingan Pendedahan - Untuk membantu Kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma sijil Takaful anda, anda dikehendaki menyatakan semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkenaan) dan umur dengan betul. Sekiranya maklumat yang berkenaan disembunyikan atau didapati tidak tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan pembatalan sijil Takaful ini, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil Takaful diubah.

b) Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar sumbangannya.

c) Tempoh Percuma - Anda berhak untuk membatalkan sijil Takaful dengan memberikan arahan bertulis kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil Takaful telah diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan sumbangan yang telah diterima. Sijil Takaful ini akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar sendiri, atau pada tarikh ia diposkan kepada Kami jika dihantar melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika dihantar secara elektronik.

d) Kami akan membayar manfaat penyakit kritikal dengan syarat orang yang dilindungi masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis.

e) Penyertaan semula - Anda layak untuk menyertai semula pelan ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh luput sijil Takaful ini, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan bagi sijil Takaful ini. Jumlah yang dilindungi yang dibenarkan untuk penyertaan semula sama ada bersamaan atau lebih rendah daripada jumlah yang dilindungi bagi sijil Takaful ini.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap.

7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Untuk memastikan manfaat pelan yang berpatutan, pelbagai pengecualian dikenakan ke atas manfaat yang akan dibayar.

a) Sijil Takaful ini tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal akibat:

i) Keadaan sedia ada;

ii) Kecederaan diri yang disengajakan ketika siuman;

iii) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau

iv) AIDS, jangkitan atau komplikasi berkaitan AIDS yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

b) Sijil Takaful ini tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal yang didiagnosis:

i) dalam tempoh 30 hari dari tarikh sijil Takaful yang dikeluarkan; dan

ii) dalam tempoh 60 hari dari tarikh sijil Takaful yang dikeluarkan bagi Kanser, Penyakit Koronari Jantung yang Memerlukan Pembedahan, Serangan Jantung, Sebarang Penyakit Arteri Koronari Serius Yang Lain.

Tempoh menunggu 30 hari dan 60 hari tidak digunapakai untuk penyertaan semula.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil Takaful ini?

Sekiranya notis pembatalan bertulis diterima selepas tempoh percuma 15 hari tersebut, anda mungkin layak mendapat lebihan DRP, jika ada, dan nilai serahan yang diperolehi seperti yang berikut, sekiranya anda tidak membuat sebarang tuntutan untuk sijil Takaful ini.

$$(80\% \ x \ Sumbangan \ Tahunan) \frac{Bilangan \ baki \ hari \ sebelum \ ulang \ tahun \ yang \ berikut/tarikh \ tamat \ tempoh}{Bilangan \ hari \ dalam \ tahun \ permulaan}$$

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama) supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya. Sila menghantar e-mel ke info@etiqa.com.my, atau hubungi Etiqa Oneline ditalian 1-300-13-8888.

10. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful keluarga, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* tentang 'Takaful keluarga'. Risalah tersebut boleh didapati di semua cawangan Kami, atau anda boleh kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline dengan menghubungi 1300-13-8888, atau tulis kepada Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau melalui faksimili 03 – 2297 3800; atau menghantar e-mel ke info@etiqa.com.my; atau dengan menghubungi 03 – 2297 3888, atau kunjungi www.etiqa.com.my. Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang ada.

Sila rujuk kepada laman web Kami di www.etiqa.com.my untuk jenis-jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

Lampiran1: Senarai 39 penyakit kritikal yang dilindungi

1	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	14	Kegagalan Hati Tahap Akhir	27	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
2	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	15	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	28	Sklerosis Multipel
3	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	16	AIDS Dengan Gejala Penuh	29	Distrofi Otot
4	Tumor otak Benign – keterukan tertentu	17	Hepatitis Viral Fulminan	30	Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkit melalui Pekerjaan
5	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	18	Serangan Jantung – keterukan tertentu	31	Kelumpuhan Anggota
6	Pembedahan Otak	19	Pembedahan Injap Jantung	32	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	20	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	33	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
8	Kardiomiopati – keterukan tertentu	21	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	34	Penyakit Arteri Koronari Serius
9	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	22	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	35	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	23	Hilang Keupayaan Bertutur	36	Pembedahan Aorta
11	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	24	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	37	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
12	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih	25	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang	38	Penyakit Terminal (Membawa Maut)
13	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	26	Penyakit Sistik Medular	39	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM SIJIL TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini sah pada <issue date>.